



TURUN PADANG: Sharizat (duduk tengah) diiringi Abdul Ghani membantu mangsa banjir memotong sayur untuk dimasak selepas menyampaikan bantuan banjir di pusat pemindahan di Dewan Serbaguna Kesang Laut, Muar, semalam.

# Johor terima RM1.5 juta

**M**UAR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyerahkan bantuan RM5.1 juta kepada kerajaan Johor untuk diagihkan kepada lebih 17,000 keluarga mangsa banjir di negeri itu.

Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata bantuan itu bagi meringankan beban mangsa banjir yang kini ditempatkan di pusat pemindahan.

Katanya, menerusi bantuan itu, setiap keluarga menerima RM200 yang akan diagihkan secepat mungkin.

"Jumlah itu tidak besar tetapi kita berharap mangsa banjir dapat memulakan hidup baru selepas rumah mereka ditenggelami air," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan itu kepada Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Oth-

man, di pusat pemindahan mangsa banjir di Dewan Serbaguna Kampong Kesang Laut, di sini, semalam.

Shahrizat yang juga Naib Ketua Pergerakan Wanita Umno berkata, pihaknya akan menggerakkan kira-kira 2,000 ahli ke semua pusat

pemindahan untuk membantu operasi.

"Kita akan menghantar bantuan untuk membantu mangsa banjir terutama warga tua dan ibu tunggal membersihkan rumah mereka yang berlumpur dan tercemar akibat ditenggelami air.

"Kita membantu mereka termasuk mendapatkan bekalan air bersih jika mereka tiada bekalan air," katanya.

Beliau berkata, ahli Wanita sedia membantu di pusat pemindahan sejak hari pertama negeri itu dilanda banjir termasuk membantu memasak dan menjaga mangsa terutama warga emas dan kanak-kanak.

Selain itu katanya, pergerakan Wanita menyampakan bantuan wang RM60,000 kepada kerajaan negeri untuk mangsa bencana alam itu.

## FAKTA NOMBOR

Bantuan banjir di Johor

**17,000**

Keluarga mangsa banjir

**RM200**


Diterima setiap keluarga



JUALAN MURAH: Orang ramai mengamuk pada harga antara RM10 hingga RM20 untuk membeli barang-barang keperluan asas.



BELUM SURUT: Penduduk Kampung Pagar, Muar, terpaksa tinggal di atas bot untuk memudahkan akses ke rumah mereka yang masih ditenggelami banjir.



PERIKSA KEDIAMAN: Penduduk kampung Muar, Johor, memeriksa kediaman mereka yang masih ditenggelami air.